

TERMA DAN SYARAT KEMPEN MARGIN PEMBIAYAAN AR-RAHNU SEHINGGA 80%

TEMPOH KEMPEN

Kempen 'Margin Pembiayaan Ar-Rahnu sehingga 80%' ("**Kempen**") ini dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia Berhad (200801010522|811810-U) ("**Agrobank**") bermula dari 16 Ogos 2020 sehingga 31 Disember 2020 ("**Tempoh Kempen**"), tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam dokumen ini ("**Terma dan Syarat**").

KELAYAKAN

Kempen ini terbuka kepada semua:

1. Pelanggan Baru

Merujuk kepada individu yang tidak memiliki akaun pembiayaan Ar-Rahnu di Agrobank dan membuat permohonan bagi pembiayaan Ar-Rahnu dalam Tempoh Kempen.

2. Pelanggan Sedia Ada

Merujuk kepada pelanggan yang mempunyai akaun pembiayaan Ar-Rahnu yang aktif di mana-mana cawangan Ar-Rahnu Agrobank yang mana mengemukakan permohonan Gadaian Semula (*Revalue*) dan Penebusan Sebahagian (*Overlap*) dalam tempoh Kempen.

('Pemohon Baru' dan 'Pelanggan Sedia Ada' selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Pelanggan**")

MEKANISME KEMPEN

1. Pelanggan akan menikmati margin pembiayaan sehingga 80% sekiranya melakukan permohonan bagi pembiayaan Ar-Rahnu, permohonan gadaian semula atau permohonan penebusan sebahagian (mana-mana berkenaan) ("**Permohonan Pembiayaan Ar-Rahnu**") dalam Tempoh Kempen di 107 cawangan Agrobank yang terpilih **SAHAJA** (sepertimana dinyatakan di **Lampiran 1**).
2. Pelanggan boleh membuat Permohonan Pembiayaan Ar-Rahnu bermula dari RM100.00 sehingga RM100,000.00 sehari bagi setiap nilai gadaian.
3. Margin pembiayaan Ar-Rahnu sehingga 80% yang diberi kepada Permohonan Pembiayaan Ar-Rahnu dalam Tempoh Kempen adalah kekal dan tidak akan berubah sehingga penebusan, gadaian semula atau penebusan sebahagian dilakukan ke atas barang gadaian.
4. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan oleh Agrobank dalam Tempoh Kempen adalah mengikut harga nilai emas semasa.
5. Agrobank berhak melakukan penilaian ke atas barang gadaian untuk menentukan nilai emas di mana nilai emas tersebut adalah bergantung kepada mutu emas yang dicagarkan.

LAIN-LAIN

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/Peserta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:
 - a. Pelanggan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Agrobank mengikut Notis Privasi Agrobank, yang boleh dilihat di www.agrobank.com.my.

- b. Pelanggan memberi kebenaran kepada Agrobank untuk memproses data peribadi Pelanggan bagi tujuan Kempen ini termasuk untuk mentadbir penyertaan Pelanggan dalam Kempen ini dan memproses data peribadi Pelanggan mengikut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
2. Agrobank berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, tidak sah dan tidak menepati syarat-syarat sepertimana yang telah disebut di dalam Terma dan Syarat ini.
3. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Agrobank mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menggantung Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis 21 hari terlebih dahulu di laman web Agrobank atau sebarang medium komunikasi yang bersesuaian. Pelanggan adalah dianggap bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan, pemotongan atau penambahan tersebut. Agrobank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan atau pampasan untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung disebabkan pindaan, pembatalan atau penggantungan Kempen.
4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan/Peserta bersetuju untuk membenarkan Agrobank, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama Pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

5. Agrobank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan, kerosakan yang berkaitan dengan visual atau pembayaran kepada Pelanggan/Peserta. Serta berkaitan hasil kerja atau pembayaran oleh/kepada pihak ketiga yang dilantik oleh pemenang.
6. Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan pada borang penyertaan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
7. Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kehilangan nyawa dan/atau barang-barang atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada atau disebabkan penyertaan Pelanggan di dalam Kempen ini.
8. Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau apa-apa situasi di luar kemampuan Agrobank.
9. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank yang mana dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada Pelanggan berhubung sebarang keputusan yang dibuat oleh Agrobank tidak akan dilayan.

10. Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini (dalam versi Bahasa Malaysia) dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan Kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai dan mengatasi lain-lain dokumen tersebut.

11. Terma dan Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian **1-300-80-2476** atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank atau layari laman sesawang Agrobank www.agrobank.com.my